

# Aqsa Syarif terima sumbangan dana RM15 juta

**KUALA LUMPUR** - Aqsa Syarif Bhd. (Aqsa Syarif) menerima dana sumbangan berjumlah RM15 juta daripada pelbagai pihak sejak Tabung Bantuan Kecemasan Gaza dilancarkan awal Ramadan lalu.

Pengurus Besarnya, Kamarul Zaman Shaharul Anwar berkata, daripada jumlah itu, sebanyak RM5 juta telah diagihkan kepada penduduk Palestin di Gaza.

Menurutnya, bantuan tersebut berupa makanan mentah, makanan panas dan keperluan perlindungan ubat-ubatan.

"Kami kini menumpukan fasa kedua sumbangan iaitu dari 11 Ogos lalu sehingga September ini dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM5 juta.

"Bantuan itu nanti sama seperti pada

fasa pertama. Ia meliputi makanan mentah yang akan dihantar ke rumah-rumah penduduk, sementara makanan panas akan disumbangkan ke penempatan perlindungan sementara di sekolah-sekolah.

"Selain itu, ubat-ubatan untuk hospital-hospital yang masih beroperasi juga akan diberikan," katanya ketika ditemui selepas Majlis Penyerahan Sumbangan Tabung Kemanusiaan Palestin oleh Pertubuhan Arkitek Malay-

sia di sini semalam.

Kamarul Zaman menambah, Aqsa Syarif merancang menghadiri satu pertemuan dengan pertubuhan bukan kerajaan dari seluruh dunia di Turki pada 30 dan 31 Ogos ini bagi membincangkan pembahagian dan langkah bantuan seterusnya untuk meringankan penderitaan rakyat Palestin.



**KAMARUL ZAMAN**